

## **Pendidikan dan Segregasi Pekerjaan Mengikut Gender** **Education and Occupational Segregation by Gender**

**NOOR RAHAMAH HJ. ABU BAKAR**

### **ABSTRAK**

*Makalah ini membicarakan tentang pengaruh pendidikan formal dalam segregasi pekerjaan mengikut gender. Terdapat tiga tujuan makalah ini, iaitu memerihalkan corak taburan pendidikan mengikut gender, meneliti bentuk segregasi mendatar dan menegak yang wujud, dan membincang pandangan wanita daripada tiga generasi tentang kenapa wanita perlu bekerja dan jenis pekerjaan yang sesuai dan tidak sesuai bagi wanita. Perbincangan berasaskan data empirikal yang diperolehi melalui survei yang dilakukan dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Seramai 12 buah keluarga yang mempunyai tiga generasi dipilih sebagai responden menggunakan teknik "snowball". Generasi kedua dijadikan sebagai sampel utama mengikut pencapaian pelajaran tertinggi yang diperolehi. Data sekunder menunjukkan bahawa bilangan graduan wanita peringkat ijazah pertama adalah tinggi dalam bidang kemanusiaan, ekonomi, perniagaan dan pengurusan berbanding bilangan graduan lelaki yang masih tinggi dalam bidang kejuruteraan, senibina, perancangan bandar dan wilayah, ukur bahan dan pengurusan hartabenda. Dari segi taburan pekerjaan pula, wanita masih bertumpu dalam kategori pekerjaan perkeranian dan perkhidmatan sementara lebih ramai lelaki terdapat dalam semua kategori pekerjaan. Data empirikal menunjukkan bahawa wanita memilih pekerjaan tertentu kerana kelayakan akademik yang ada, suka dengan pekerjaan yang dipilih, pekerjaan mudah dilakukan dan pekerjaan berkenaan diterima oleh masyarakat. Makalah ini diakhiri dengan menyatakan bahawa tahap pendidikan yang diperolehi telah membolehkan wanita menceburi bidang pekerjaan yang dahulunya didominasi oleh kaum lelaki.*

### **ABSTRACT**

*This article discusses the influence of formal education in occupational segregation by gender. This article has three objectives: To look at the distribution pattern of education by gender, to examine the form of horizontal and vertical segregation that exist, and to get the views of woman from three generations about why women should work, and the types of work deemed suitable or unsuitable for women. Discussion is based on empirical data obtained from a survey carried out using purposive sampling technique. Using the snowball technique a total of 12 families with three generation was selected*

*as samples. Based on the highest level of education received, the second generation was made the main sample Analysis from the secondary data showed that the number of female graduates at the undergraduate level is high in the field of humanities, economy, business and management compared to the high number of male graduates in the field of engineering, architecture, town and regional planning, land survey and property management. In terms of work distribution, women are still seen to be concentrated in the clerical and service type of jobs while the male workers are concentrated in all type of jobs. Empirical data show that woman choose a particular job due to a variety of reasons such as their academic qualifications, job preference, the ease of performing the job and whether the job is socially acceptable. The article concludes that the education that women received had enabled them to participate in jobs that were previously dominated by the male workers.*

## PENGENALAN

Pendidikan adalah salah satu aspek penting dalam pembangunan sumber manusia. Kadar pencapaian pelajar perempuan di peringkat tertiar telah meningkat daripada 0.5 peratus pada tahun 1970 kepada 4.9 peratus pada tahun 1991 sementara bagi pelajar lelaki adalah daripada 1.2 peratus kepada 6.0 peratus bagi tempoh yang sama (Malaysia 1970: 67-70 & Malaysia 1995: 368-379). Peningkatan pencapaian dalam pendidikan formal telah mempengaruhi kadar penglibatan guna tenaga. Guna tenaga yang berkualiti diperlukan bagi menghadapi cabaran globalisasi serta kemajuan teknologi yang pesat. Kadar guna tenaga wanita pada tahun 1970 adalah sebanyak 31.0 peratus dan meningkat kepada 34.5 peratus pada tahun 2000. Guna tenaga lelaki pula adalah sebanyak 69.0 peratus pada tahun 1970 dan 65.5 peratus pada tahun 2000. Penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan formal didapati sudah meningkat berbanding dengan kaum lelaki. Adakah peningkatan ini menunjukkan bahawa kaum wanita sudah diperkasakan melalui pendidikan yang diperolehi? Soalan ini yang cuba dikupas dalam makalah ini. Bagi menjawab soalan ini maka makalah ini akan memerihalkan corak taburan pendidikan mengikut gender dari tahun 1970 hingga 1991 dengan menggunakan data sekunder. Makalah ini juga akan meneliti bentuk segregasi mendatar dan segeragsi menegak yang wujud dan membincang pandangan wanita daripada tiga generasi tentang sebab wanita perlu bekerja dan jenis pekerjaan yang sesuai dan tidak sesuai bagi wanita.

## KAJIAN LEPAS

Terdapat segelintir sahaja penyelidik tempatan dan luar negara yang telah membuat kajian berkaitan dengan segregasi pekerjaan mengikut gender dengan

menjurus kepada aspek pendidikan. Penyelidik tempatan seperti Aminah Ahmad (2000) menyatakan bahawa penglibatan wanita dalam pendidikan sangat menggalakkan tetapi masih wujud segregasi mengikut gender dalam pendidikan di peringkat menengah, terutama di sekolah vokasional dan teknik dan juga di institusi pengajian tinggi, khususnya di politeknik. Menggunakan data sekunder, Shamsulbahriah (1989) mendapati wujud ketaksamaan gender dalam proses pembangunan ekonomi negara Malaysia. Majoriti kaum wanita masih bertumpu dalam jenis pekerjaan yang sama. Menurut beliau, ideologi gender telah memainkan peranan penting mengekalkan ketaksamaan antara wanita dan lelaki, khusus dalam pasaran buruh. Dalam proses pendidikan, pelajar perempuan dan lelaki masing-masing memilih matapelajaran yang bersifat “keperempuanan” dan “kelelakian”. Keadaan ini kemudiannya menentukan pilihan mereka dalam bidang pekerjaan. Siti Rohani Yahya (1989 & 1998) melihat secara makro penyertaan tenaga kerja wanita dalam proses pembangunan. Menurut beliau, terdapat tiga faktor yang menyumbang kepada peningkatan status ekonomi wanita. Faktor pertama ialah kemudahan dan peluang pendidikan yang sama antara wanita dan lelaki. Faktor kedua pula ialah pertumbuhan ekonomi yang pesat dan perubahan dalam proses perindustrian, sementara factor ketiga ialah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (1971-1990) yang telah mempercepatkan peralihan penglibatan wanita Melayu luar bandar ke kawasan bandar.

Penyelidik luar negara seperti Hakim (1979) telah membuat perbandingan mengikut gender antara Amerika Syarikat, Great Britain dan Russia mengenai taburan pekerjaan bagi tempoh 1900-1970. Kajian beliau mendapati bahawa kadar penglibatan wanita dalam pasaran buruh di Amerika Syarikat dan Great Britain adalah berbeza. Kadar di Amerika Syarikat dan Great Britain adalah masing-masing 18.0 peratus dan 29 peratus pada tahun 1900, meningkat kepada 38.0 peratus dan 36 peratus pada tahun 1970. Bagaimanapun, tumpuan wanita adalah dalam kategori pekerjaan yang sama, iaitu perkeranian, jualan dan perkhidmatan. Pekerja lelaki pula bertumpu dalam kategori pekerjaan pentadbiran, pengurusan dan pertanian. Di Russia pula keadaannya adalah berbeza di mana wanita menyumbang sebanyak 51 peratus daripada jumlah tenaga kerja pada tahun 1974. Kaum wanita sudah lama menceburi bidang yang dahulunya didominasi oleh pekerja lelaki, iaitu dalam kategori pekerjaan saintifik, teknikal, perindustrian, dan pengurusan. Pekerja wanita juga didapati bertumpu dalam kategori pekerjaan tertentu seperti jururawat (98%), guru taman bimbingan kanak-kanak (98%), pustakawan (95%), operator telefon (96%), jurutaip dan jurutrenkas (99%) dan penyedia makanan (91%).

Kajian yang dilakukan oleh Nermo (1996) di Sweden bagi tempoh 1968-1991 mendapati bahawa komposisi pekerjaan mengikut gender dan struktur pasaran buruh telah berubah. Kajian beliau menunjukkan bahawa tahap segregasi mengikut gender telah berkurangan semenjak akhir tahun 1960an. Walaupun bilangan wanita dalam pasaran buruh sudah meningkat tetapi pekerja wanita masih bertumpu dalam sebilangan kecil kategori pekerjaan berbanding dengan

pekerja lelaki. Tahap segregasi masih lagi tinggi dalam sektor awam berbanding dengan swasta kerana sektor awam didominasi oleh pekerjaan tradisi wanita.

Boserup (1987) yang membuat kajian di negara-negara perindustrian, Amerika Latin, Timur Tengah, Asia Timur dan Selatan dan Afrika menyatakan bahawa terdapat tiga bentuk pekerjaan di kalangan wanita. Kajian beliau mendapati bahawa di negara perindustrian, terutama Barat Eropah dan Amerika Utara, terdapat kadar yang tinggi wanita dalam pekerjaan perkeranian dan hanya sedikit dalam pekerjaan profesional. Di negara Amerika Latin pula, coraknya adalah berbeza, di mana wanita adalah ramai dalam bidang profesional daripada kerja perkeranian. Taburan pekerja wanita di Afrika dan Asia adalah pada kadar yang rendah dalam pekerjaan profesional dan perkeranian.

Presser dan Kishor (1991) yang membuat kajian mengenai segregasi pekerjaan mengikut gender di Puerto Rico bagi tempoh 1950-1980 juga mendapat hasil yang sama dengan penyelidik-penyelidik yang lain. Segregasi pekerjaan sudah berkurangan kerana wanita sudah beralih daripada melakukan pekerjaan di rumah dan menyertai pekerjaan dalam industri pembuatan dan perkhidmatan.

Walby (1988:15) telah mengaitkan segregasi pekerjaan mengikut gender dengan menggunakan teori modal insan. Menurut beliau, kedudukan wanita di hierarki yang rendah dalam pekerjaan bergaji adalah disebabkan oleh modal insannya yang sedikit. Pekerja wanita mempunyai kelayakan, kemahiran dan pengalaman kerja yang sangat berkurangan jika dibandingkan dengan pekerja lelaki. Wanita memilih pekerjaan yang mempunyai kemahiran sedikit tetapi akan memperolehi ganjaran terbaik dan tidak akan dihukum dengan teruknya jika berhenti untuk sementara waktu dalam pekerjaan. Modal insan akan merosot dalam tempoh seorang wanita itu berhenti untuk sementara waktu dan memperolehi gaji yang rendah apabila bekerja semula selepas melahirkan anak.

Benson (dalam Sweetland 1996:354), dan Mincer (1958) menyatakan bahawa secara umum pendidikan dapat membantu individu menjadi seorang pekerja yang produktif, tetapi bukan ini sahaja caranya untuk memperolehi modal insan. Pendidikan vokasional, latihan dan pengalaman kerja juga dapat membantu seorang pekerja menjadi lebih produktif. Individu boleh mempelajari kemahiran kerja semasa bekerja atau melalui pendidikan vokasional dan kaedah ini dapat membentuk sebahagian daripada modal insan seseorang pekerja.

Huraian mengenai kajian lepas menunjukkan bahawa penyelidik tempatan hanya melihat kepada proses pendidikan, khususnya di peringkat menengah di mana pelajar perempuan dan lelaki masih lagi berpegang kepada pemikiran tradisional dengan memilih matapelajaran yang bersifat 'keperempuanan' dan 'kelelakian'. Bagi penyelidik luar negara pula, mereka membincangkan tentang tumpuan pekerja wanita dan pekerja lelaki dalam kategori pekerjaan tertentu sahaja. Oleh yang demikian, makalah ini cuba melihat aspek yang belum dibincangkan dengan terperinci, iaitu keperkasaan wanita dalam pekerjaan menerusi tahap pendidikan formal yang diperolehi.

## PERBINCANGAN KAJIAN

Bagi mencapai tujuan makalah ini perbincangan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama membuat penelitian berkaitan corak taburan bilangan graduan ijazah pertama di peringkat universiti mengikut jenis kursus dan gender dengan menggunakan data sekunder daripada Buletin Perangkaan Sosial 1985 dan 1990 dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000. Perbandingan struktur pekerjaan mengikut gender antara tahun 1970 hingga 2000 juga dibuat dengan menggunakan data daripada Banci Penduduk dan Perumahan bagi tahun 1970, 1980 dan 1991 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Banci Penduduk pula adalah sumber data yang meliputi tempoh masa yang panjang bagi melihat perubahan dalam corak taburan pekerjaan mengikut gender. Perbincangan dalam bahagian kedua pula adalah berkaitan dengan data empirikal yang diperolehi melalui survei yang dilakukan dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Sebanyak 12 buah keluarga yang mempunyai tiga generasi dipilih sebagai responden. Generasi kedua dijadikan sebagai sampel utama berdasarkan tahap pencapaian pelajaran tertinggi yang diperolehi, iaitu sama ada peringkat rendah, menengah dan tertiar. Semua keluarga dipilih dengan menggunakan teknik "snowball". Selain itu, temubual secara terperinci dilakukan untuk mendapatkan maklumat lain yang diperlukan.

JADUAL 1. Populasi mengikut pencapaian pelajaran dan gender, Malaysia

Pencapaian Pelajaran	Wanita		Lelaki		Jumlah	
	1970 Bil.(%)	1991 Bil.(%)	1970 Bil.(%)	1991 Bil.(%)	1970 Bil.(%)	1991 Bil.(%)
Tidak pernah bersekolah	2653990 (43.7)	2559361 (29.6)	1984502 (33.3)	2017781 (22.9)	4638492 (38.6)	4577142 (26.2)
Prasekolah	td	220773 (2.5)	td	228363 (2.6)	td	449136 (2.6)
Rendah	2354855 (38.9)	2772266 (32.0)	2611840 (43.8)	2988343 (33.8)	4966695 (41.3)	5760609 (32.9)
Menengah	1023064 (16.9)	2619175 (30.2)	1293422 (21.7)	2984605 (33.8)	2316486 (19.3)	5603780 (32.0)
Tertiar	28202 (0.5)	428889 (4.9)	71239 (1.2)	531280 (6.0)	99441 (0.8)	960169 (5.5)
Tidak diketahui	td	69047 (0.8)	td	78208 (0.9)	td	147255 (0.8)
Jumlah	6060111 (100.0)	8669511 (100.0)	5961003 (100.0)	8828580 (100.0)	12021114 (100.0)	17498091 (100.0)

Sumber: Malaysia 1991: 368-379 & Malaysia 1970: 67-70

## PENDIDIKAN FORMAL

Secara umum era modenisasi dan pendidikan yang diperolehi anggota masyarakat dijangka dapat mengurangkan tahap segregasi mengikut gender. Perubahan dapat dilihat dalam tingkat pendidikan yang diperolehi di kalangan populasi di Malaysia. Pencapaian pendidikan wanita umpamanya adalah lebih tinggi pada tahun 1991 berbanding tahun 1970. Jadual 1 menunjukkan kadar populasi yang tidak pernah bersekolah telah berkurangan daripada 38.6 peratus pada tahun 1970 kepada 26.2 peratus pada tahun 1991. Keadaan ini menunjukkan tahap pendidikan yang diperolehi telah meningkat. Pada tahun 1991, sebanyak 32.0 peratus daripada populasi wanita mempunyai pendidikan di peringkat rendah, 30.2 peratus di peringkat menengah, dan di peringkat tertiar pula sebanyak 4.9 peratus. Kadar ini telah meningkat jika dibandingkan dengan pencapaian bagi tahun 1970, iaitu, pendidikan di peringkat rendah, menengah dan tertiar adalah masing-masing

JADUAL 2 Bilangan graduan ijazah pertama di universiti mengikut jenis kursus dan gender, Malaysia

Jenis Kursus	1990			1999		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
A. Sastera						
a) Sastera dan kemanusiaan	1239	1511	2750	2051	4863	6914
B. Sastera Ikhtisas						
a) Ekonomi, perniagaan dan pengurusan	1002	1064	2066	2960	5254	8214
b) Undang-undang sivil	146	164	310	301	365	666
C. Sains						
a) Sains	417	384	801	766	997	1763
b) Sains gunaan	298	305	603	1384	1986	3370
c) Perubatan	207	274	481	329	636	965
d) Pertanian	87	29	116	210	172	382
D. Teknologi						
a) Kejuruteraan	679	120	799	2812	1103	3915
b) Senibina/perancangan bandar & wilayah	93	30	123	255	186	441
c) Ukur/ukur bahan/ pengurusan hartabenda	58	11	69	183	162	345
E. Pendidikan						
a) Sains	159	416	575	236	510	746
b) Sastera	306	339	645	1001	1901	2902
Jumlah	4691	4647	9338	12488	18135	30623

Sumber: Malaysia 2001 & 1996

sebanyak 38.9 peratus, 16.9 peratus dan 0.5 peratus. Peratusan wanita yang tidak pernah bersekolah telah berkurangan daripada 43.7 peratus pada tahun 1970 kepada 29.6 peratus pada tahun 1991. Pencapaian pelajar lelaki di semua peringkat pendidikan adalah lebih tinggi daripada pelajar perempuan terutama di peringkat menengah dan tertiar di mana kadar pencapaian pelajar lelaki adalah masing-masing sebanyak 33.8 peratus dan 6.0 peratus.

Tidak dapat dinafikan bahawa peluang pendidikan untuk wanita sudah meningkat. Keadaan ini dapat dilihat daripada kadar penglibatan yang hampir sama bagi pelajar perempuan dan lelaki di peringkat rendah dan menengah. Jumlah enrolmen bagi kedua-dua peringkat pendidikan ini adalah hampir setengah daripada jumlah enrolmen. Pengambilan pelajar perempuan di peringkat menengah dan universiti adalah hampir separuh daripada jumlah enrolmen pada tahun 1999. Bilangan pelajar perempuan sudah meningkat dalam bidang seperti kedokteran, pergigian, kejuruteraan, senibina dan perakaunan (Malaysia 2001). Dari segi bilangan graduan ijazah pertama di universiti mengikut jenis kursus pada tahun 1999 menunjukkan wujud perbezaan mengikut gender seperti yang terdapat dalam kajian Aminah Ahmad (2000) di mana graduan perempuan lebih ramai dalam aliran sastera khususnya dalam bidang kemanusiaan, ekonomi, perniagaan dan pengurusan, sains tulen, sains gunaan, perubatan, dan pendidikan (Jadual 2). Bagaimanapun, bilangan graduan perempuan dalam aliran teknologi sudah meningkat berbanding tahun 1990. Bagi graduan lelaki pula, mereka masih kekal dalam aliran teknologi, iaitu dalam bidang kejuruteraan, senibina/perancangan bandar dan wilayah, dan ukur/ukur bahan/pengurusan hartabenda. Dengan pencapaian pendidikan yang lebih tinggi, wanita sudah berani menyertai bidang pekerjaan yang dahulunya didominasi oleh golongan lelaki.

## SEGREGASI PEKERJAAN

Segregasi pekerjaan mengikut gender wujud apabila wanita dan lelaki melakukan pekerjaan yang berbeza dalam pasaran buruh. Menurut Hartmann (1976), Walby (1986 & 1988) dan Reskin dan Roos (1990), wanita bertumpu dalam beberapa jenis industri dan kategori pekerjaan sahaja. Fokus bahagian ini adalah untuk melihat bentuk segregasi pekerjaan yang wujud. Penjelasan perubahan dalam komposisi gender bagi pekerjaan formal adalah dengan melihat perubahan dalam industri dan kategori pekerjaan. Untuk melihat segregasi mendatar, klasifikasi mengikut industri digunakan, iaitu sebanyak sembilan buah industri utama dengan 78 buah sub-industri. Bagi segregasi menegak pula, klasifikasi mengikut kategori pekerjaan digunakan kerana klasifikasi sedemikian mempunyai elemen berhierarki, iaitu sebanyak tujuh kategori pekerjaan utama dengan 80 sub-kategori pekerjaan.

## (I) SEGREGASI MENDATAR

Segregasi pekerjaan secara mendatar berlaku apabila wanita dan lelaki bekerja dalam jenis industri yang berbeza. Keadaan ini boleh dilihat dengan meneliti taburan wanita dan lelaki dalam pasaran buruh mengikut jenis industri. Pada tahun 1991, industri yang mempunyai ramai pekerja wanita adalah yang berkaitan dengan perkhidmatan masyarakat, sosial & persendirian. Sub-industri yang mempunyai pekerja wanita lebih 90.0 peratus daripada jumlah tenaga buruhnya hanya terdapat dalam perkhidmatan kerja rumah sahaja daripada jumlah sebanyak 78 sub-industri (Jadual 3a). Pekerja lelaki pula bertumpu dalam semua jenis industri dan sebanyak 12 sub-industri mempunyai pekerja lelaki lebih 90.0 peratus daripada jumlah tenaga buruhnya. Sub-industri ini termasuk pertanian, pemburuan, perikanan, perlombongan logam, elektrik, gas dan wap, pembinaan, pengangkutan darat, sewaan dan pajakan mesin dan peralatan dan perkhidmatan membaiki (Jadual 3b).

JADUAL 3a. Darjah penumpuan wanita dalam industri, 1991

Jenis industri	90-100% wanita	50-89% wanita	32-49% wanita
Pertanian, Perhutanan Ternakan & Perikanan			pengeluaran pertanian & ternakan
Perlombongan & Kuari			
Pembuatan		perusahaan kain; perusahaan pakaian; perusahaan kulit & barang-barang kulit; membuat kasut; membuat mesin elektrik alat, perka- kas & alat bekalan elektrik; membuat peralatan profesional, sains & pengukuran & barang-barang fotografi & optik	membuat makanan; perkilangan tembakau; membuat kertas; percetakan & penerbit an; membuat barang kimia lain; membuat barang-barang hasil daripada getah; mem- buat barang-barang plastik; membuat tem- bikar, pasu & periuk belanga
Elektrik, Gas & Air			
Pembinaan			
Perdagangan Borong & Runcit, Hotel & Restoren			perdagangan borong: barang-barang tem- bakau; membuat kertas;

*sambungan*



JADUAL 3a. *sambungan*

Jenis industri	90-100% wanita	50-89% wanita	32-49% wanita
			runcit; makanan, minuman & tembakau; barang-barang rumah & persendirian; restoren, kedai minum; hotel, rumah sewa & khemah
Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi			perkhidmatan yang berkaitan dengan pengangkutan
Kewangan, Insurans & Perkhidmatan Perniagaan Hartanah			institusi kewangan; insurans; hartanah; perkhidmatan perniagaan
Perkhidmatan Masyarakat, Sosial & Persendirian	perkhidmatan kerja-kerja rumah	perkhidmatan pendidikan; perkhidmatan perubatan, pergigian & perkhidmatan haiwan; institusi kebajikan; kedai dobi perkhidmatan mencuci & mencelup pakaian; pelbagai perkhidmatan persendirian	perkhidmatan kebersihan badan perniagaan profesional & persatuan buruh; perkhidmatan tayangan gambar; perpustakaan, muzium, taman bunga & taman haiwan; perkhidmatan hiburan & rekreasi

*Sumber:* Disesuaikan daripada Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia, 1991

JADUAL 3b. Darjah penumpuan lelaki dalam industri, 1991

Jenis industri	90-100% lelaki	50-89% lelaki	32-49% lelaki
Pertanian, Perhutanan Ternakan & Perikanan	perkhidmatan, perkhidmatan, pertanian; perburuan, pemeringkapan & pembiakan binatang; pembalakan; perikanan	pengeluaran pertanian & ternakan; perhutanan	
Perlombongan & Kuari	perlombongan	perlombongan arang batu; pengeluaran minyak mentah & gas asli	
Pembuatan		perusahaan membuat makanan; perusahaan membuat minuman; perkilangan tembakau; perusahaan kayu; perusahaan perabot; membuat kertas & barang-barang hasil daripada kertas; percetakan & penerbitan; membuat kimia-kimia untuk perusahaan; kilang penapisan petroleum; membuat pelbagai barang hasil daripada petroleum & arang batu; membuat barang plastik; tembikar, pasu periuk belanga; membuat kaca & barang-barang kaca; membuat barang-barang hasil daripada galian bukan logam; perusahaan utama besi & besi waja; perusahaan utama logam bukan besi; membuat barang-barang logam binaan; membuat mesin; membuat peralatan pengangkutan.	perusahaan kain; perusahaan kulit & barang-barang kulit; membuat peralatan haiwan; institusi kebajikan; profesional, sains & pengukuran & barang-barang fotografi & optik.
Elektrik, Gas & Air	elektrik, gas & wap; kerja-kerja & pembekalan air		

sambungan

JADUAL 3b. *sambungan*

Jenis industri	90-100% lelaki	50-89% lelaki	32-49% lelaki
Pembinaan	pembinaan		
Perdagangan Borong & Runcit, Hotel & Restoren		(perdagangan borong & runcit): makanan, minuman & tembakau; barang-barang rumah & persendirian; motosikal, kenderaan bermotor & minyak petrol; peralatan & bahan-bahan perusahaan, pertanian & perniagaan; pemborong am besar; restoren, kedai minum; hotel, rumah sewa & khemah	
Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	pengangkutan darat	pengangkutan air; pengangkutan udara; perkhidmatan yang berkaitan dengan pengangkutan; perhubungan	
Kewangan, Insurans & Perkhidmatan Perniagaan Hartanah	sewaan & pajakan mesin & peralatan	institusi kewangan; insurans; hartanah; perkhidmatan perniagaan	
Perkhidmatan Masyarakat, Sosial & Persendirian	perkhidmatan pembaikan	pentadbiran awam & pertahanan; perkhidmatan kebersihan; institut penyelidikan & sains; badan perniagaan, profesional & persatuan buruh; perkhidmatan sosial; perkhidmatan tayangan gambar; perpustakaan, muzium, taman bunga & taman haiwan; perkhidmatan hiburan & rekreasi; badan antarabangsa & lain-lain badan di luar wilayah	perkhidmatan perubatan, pergigian, perkhidmatan haiwan; institusi kebajikan; kedai dobi, perkhidmatan mencuci & menyelup pakaian; pelbagai perkhidmatan persendirian

*Sumber:* Disesuaikan daripada Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia, 1991

## (II) SEGREGASI MENEGAK

Segregasi menegak pula berlaku apabila wanita dan lelaki berada di peringkat hierarki yang berbeza dalam industri. Terdapat perubahan dari segi peratusan tenaga buruh mengikut gender dalam kategori pekerjaan utama. Pada tahun 1970 kadar pekerja wanita adalah tertinggi dalam kategori pekerjaan pertanian diikuti oleh profesional dan perkhidmatan. Pada tahun 1991 keadaan telah banyak berubah di mana kadar wanita adalah tertinggi dalam kategori perkeranian, diikuti oleh perkhidmatan dan profesional (Malaysia 1970, 1980, 1991, 1991 (a), & 1999 (b)).

Pada tahun 1991, sebahagian besar daripada pekerjaan adalah mengikut gender dan kebanyakannya didominasi oleh lelaki berbanding wanita. Data menunjukkan bahawa jumlah pekerjaan yang mempunyai pekerja wanita 90.0 peratus dan lebih telah meningkat daripada satu jenis pada tahun 1970 kepada dua jenis sub-kategori pekerjaan pada tahun 1991 daripada jumlah sebanyak 80 sub-kategori pekerjaan, iaitu sub-kategori pekerjaan perkeranian dan perkhidmatan. Pekerjaan tersebut adalah jurutrenkas, jurutaip, dan operator mesin tebuk kad dan pita, dan pembantu rumah (orang gaji) (Jadual 4a). Analisis data sekunder menunjukkan persamaan dengan kajian yang telah dilakukan oleh

JADUAL 4a. Darjah penumpuan wanita dalam kategori pekerjaan, 1991

Jenis industri	90-100% wanita	50-89% wanita	32-49% wanita
Pekerja profesional, teknikal & yang berkaitan		pekerja perubatan, pergigian, veterinar; pengajar/guru	perangkawan, ahli matematik, juruanalisis sistem; ahli ekonomi; akauntan & juruaudit; pengarang, pengkritik, wartawan, editor
Pekerja pentadbiran & pengurusan			
Pekerja perkeranian & yang berkaitan	jurutrenkas, jurutaip & operator mesin tebuk & pita	penyimpan akaun, juruwang; operator mesin hutang; operator telefon & telegraf	penyelia perkeranian
Pekerja jualan			jurujual, pembantu kedai
Pekerja perkhidmatan	orang gaji	tukang masak, pelayan, pelayan bar; tukang dobi, tukang cuci ubat & tukang sterika; pen-	pemilik bekerja (khidmat sajian & loging); penyelia rumah; penjaga & pekerja jurusolek

*sambungan*

JADUAL 4a. *sambungan*

Jenis industri	90-100% wanita	50-89% wanita	32-49% wanita
		dandan rambut, tukang gunting rambut	membersih bangunan & pencuci
Pekerja pertanian, ternakan & perhu- tanan, nelayan & pemburu			pekerja pertanian & penternak
Pekerja pengeluaran & yang berkaitan, operator alat peng- angkutan & buruh		pemintal, penenun, pengait, pencilup; pe- nyamak & penyedia belulang; penyedia minuman; pembentuk kaca, tembakau & pem- buat keluaran tembakau; tukang jahit, pembuat pakaian, penjahit, kulit; jurugegas elektrik & pekerja elektrik & elek- tronik; operator stesen penyiaran, alat-alat bunyi & jurutayang pawagam; pembuat barang-barang getah & plastik	pekerja prosesan makanan & minuman; pembentuk kaca, tukang labu; pembuat barang-barang kertas & kertas kotak; pencetak

*Sumber:* Disesuaikan daripada Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia, 1991

penyelidik di negara Barat seperti Hakim (1979), Nermo (1996), Boserup (1987) dan Presser & Kishor (1991) yang juga mendapati tumpuan pekerja wanita masih lagi dalam kategori pekerjaan perkeranian, jualan dan perkhidmatan. Jumlah sub-kategori pekerjaan yang mempunyai 90.0 peratus dan lebih pekerja lelaki pula telah merosot daripada 33 jenis sub-kategori pekerjaan pada tahun 1970 kepada hanya 13 jenis sub-kategori pekerjaan pada tahun 1991. Pekerjaan tersebut adalah arkitek, jurutera, ahli teknologi, juruukur, dan operator alat pengangkutan (Jadual 4b).

JADUAL 4b. Darjah penumpuan lelaki dalam kategori pekerjaan, 1991

Jenis industri	90-100% lelaki	50-89% lelaki	32-49% lelaki
Pekerja profesional, teknikal & yang berkaitan	arkitek, jurutekera, ahli teknologi, juruukur; pegawai kapal terbang & kapal laut; olahragawan, ahli sukan	ahli sains fizik, ahli sains hayat; pakar undang-undang; ahli keagamaan; pemahat, pelukis, jurugambar & seniman kreatif; penggubah & seniman persembahan	pengajar/guru
Pekerja pentadbiran & pengurusan		pegawai perundangan & pentadbir kerajaan; pengurus	penyimpan akaun, juruwang;
Pekerja perkeranian & yang berkaitan	penyelia pengangkutan & perhubungan	penyelia perkeranian; pegawai eksekutif kerajaan; konduktor pengangkutan; pengedar mel	operator mesin hutang; operator telefon & telegraf
Pekerja jualan	pengurus (perdagangan borong & runcit)	pemilik bekerja (perdagangan borong & runcit); penyelia jualan & pembeli; jurujual teknik, jurujual kembara & ejen pembuat; jurujual insurans, hartanah, sekuriti & perkhidmatan perniagaan & jurulelong	
Pekerja perkhidmatan	pekerja khidmat kawal	pengurus & pemilik bekerja (khidmat sajian & loging); penyelia rumah; penjaga & pekerja, membersihkan bangunan, pencuci tukang cuci ubat & tukang sterika	tukang masak, pelayan, pelayan bar; tukang dobi, tukang cuci ubat & tukang sterika
Pekerja pertanian, ternakan & perhutanan, nelayan & pemburu	pengurus & penyelia ladang; pekerja perhutanan; nelayan, pemburu	peladang & petani; pekerja pertanian & penternak	

*sambungan*

JADUAL 4b. *sambungan*

Jenis industri	90-100% lelaki	50-89% lelaki	32-49% lelaki
Pekerja pengeluaran & yang berkaitan, operator alat pengangkutan & buruh	pelombong, pekerja kuari, penggerudi tela-ga; jurugegas jentera, pembaik & pembuat alat jitu (kecuali elektrik); tukang paip, pengimpal, penyedia & penegak kepingan logam & kerangka logam; tukang cat; penerap bata, tukang kayu & pembinaan lain; operator alat pengangkutan	penyelia pengeluaran & fomen am; pekerja proses logam; pekerja penyediaan kayu & pembuat kertas; pekerja prosesan bahan kimia; penyamak & penyedia belulang; pekerja prosesan makanan & minuman; pembuat kabinet & pekerja pertukangan kayu; pemotong & pemahat batu; tukang besi, pembuat peralatan & operator mesin peralatan; pekerja barang kemas & logam berharga; pembentuk kaca, tukang labu; pembuat - barang-barang kertas & kertas kotak; pencetak; operator alat pengendalian bahan & pekerja limbungan yang berkaitan & pengendalian bahan	pemintal, pene-nun, pengait, pencilup; penyedia tembakau & pembuat keluaran tembakau; tukang kasut & pembuat barang kulit; juru-gegas elektrik & pekerja elektrik, elektronik; operator stesen penyiaran, alat-alat bunyi & jurutayang pawa-gam; pembuat barang-barang getah & plastik

*Sumber:* Disesuaikan daripada Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia, 1991

Jika dilihat secara umumnya, kadar penyertaan wanita telah meningkat dalam semua kategori pekerjaan, khususnya dalam kategori pekerjaan sebagai sebagai jurugegas elektrik dan pekerja elektrik dan elektronik dan sebagai perangkawan, ahli matematik dan juruanalisis sistem. Peningkatan ini telah mengubah komposisi gender, masing-masing daripada hanya 3.0 peratus wanita pada tahun 1970 kepada 62.3 peratus pada tahun 1991 dan 15.9 peratus kepada 40.8 peratus bagi tempoh yang sama. Secara keseluruhan dapat dilihat peningkatan yang signifikan dalam pekerjaan wanita berbanding kaum lelaki. Oleh yang demikian, feminization boleh dikatakan wujud dalam hampir semua kategori pekerjaan kecuali pekerjaan pertanian yang menunjukkan kemerosotan.

Penglibatan wanita dalam pekerjaan sebagai pembantu rumah, pekerja perubatan, pergigian dan veterinar, pengajar/guru, tukang masak, pendandan rambut dan jurusolek mempunyai hubungan yang rapat dengan peranan wanita dalam keluarga dan juga di mana kerja-kerja itu boleh dianggap sebagai lanjutan daripada aktiviti domestik. Jadual 4a menunjukkan bahawa lagi kuat hubungan

dengan peranan domestik lebih tinggi tumpuan wanita dalam pekerjaan tersebut. Sangat sedikit bilangan wanita yang menceburkan diri dalam pekerjaan yang melibatkan kuasa, reputasi, inisiatif dan tanggungjawab. Walau bagaimanapun, pendidikan formal yang diperolehi kini telah membolehkan kaum wanita menceburi bidang pekerjaan yang dahulunya didominasi oleh kaum lelaki.

### KAJIAN EMPIRIKAL

Kajian empirikal menggunakan tiga generasi telah dijalankan untuk mendapatkan pandangan mereka tentang kenapa wanita perlu bekerja dan jenis pekerjaan yang sesuai dan tidak sesuai dilakukan mengikut peredaran masa. Sejumlah 36 orang responden telah ditemui dalam kajian ini. Seramai tujuh orang responden didapati tidak pernah bersekolah dan mereka semua adalah daripada generasi pertama. Seramai 12 orang responden pula memperoleh pendidikan sehingga peringkat sekolah rendah sahaja. Mereka yang berpendidikan sehingga ke tahap sekolah menengah dan maktab, masing-masing adalah seramai lapan orang dan empat orang (Jadual 5). Hanya seorang responden yang belum bersekolah dan empat orang yang mempunyai tahap pendidikan hingga ke peringkat universiti dan mereka adalah daripada generasi ketiga. Purata saiz keluarga responden secara keseluruhannya adalah seramai empat orang. Jika dilihat mengikut generasi, gambaran adalah berbeza di mana purata saiz keluarga bagi generasi pertama, kedua dan ketiga adalah masing-masing seramai enam orang, empat orang dan seorang sahaja. Dapat dikatakan bahawa dalam zaman

JADUAL 5. Pendidikan tertinggi diperolehi

Tahap pendidikan	Generasi 1	Generasi 2	Generasi 3	Jumlah
Tidak pernah bersekolah	7			7
Prasekolah				
Sekolah rendah (1-6)	5**	6	1	12
Sekolah menengah (1-5)		4	4	8
Lepasan menengah				
Maktab		2***	2***	4
Universiti			4	4
Jumlah (n)	12	12	11*	35

Sumber: Kerja lapangan, 1999.

Nota: \* seorang - masih bayi  
 \*\* seorang - darjah 4 (semasa pemerintahan Jepun)  
 seorang - sekolah pondok (agama)  
 seorang - sekolah dewasa  
 \*\*\* seorang - Maktab Perguruan Perempuan Melaka  
 \*\*\*\* seorang - Institut Teknologi Mara



JADUAL 6. Status pekerjaan formal Pendidikan tertinggi diperolehi

Status	Generasi 1	Generasi 2	Generasi 3	Jumlah
Tidak pernah bekerja	11*	5**		16
Pernah bekerja	1	5	1	7
Masih bekerja		2	7	9
Masih bersekolah			3	3
Belum bersekolah			1	1
Jumlah (n)	12	12	12	36

Sumber: Kerja lapangan, 1999.

Nota: \* seorang - pernah bekerja sebagai bidan kampung  
 seorang - masih lagi aktif bekerja sebagai bidan kampung  
 seorang - terlibat dalam sektor tak formal, membuka gerai makanan  
 \*\* seorang - terlibat dalam sektor tak formal, menjual peralatan hiasan rumah dan hiasan wanita

moden ini dan terdapatnya bilangan wanita yang semakin ramai dalam pasaran buruh, mereka telah memilih untuk mempunyai saiz keluarga yang kecil.

Melihat kepada status pekerjaan formal pula, didapati seramai 16 orang responden tidak pernah bekerja, iaitu 11 orang daripada generasi pertama dan lima orang daripada generasi kedua (Jadual 6). Daripada seramai 11 orang generasi pertama yang tidak bekerja ini, terdapat tiga orang yang pernah melibatkan diri dalam sektor tidak formal. Terdapat seorang responden yang berpendidikan sekolah rendah pernah bekerja sebagai bidan kampung dan seorang lagi yang tidak pernah bersekolah masih aktif bekerja sebagai bidan kampung. Seorang lagi responden yang tidak mempunyai pendidikan formal melibatkan diri dalam perniagaan gerai makanan. Daripada lapan orang responden generasi pertama yang tidak pernah melibatkan diri dalam sektor tidak formal, terdapat empat orang yang tidak mempunyai pendidikan formal dan empat lagi hanya di peringkat sekolah rendah sahaja. Daripada lima orang responden generasi kedua yang tidak pernah bekerja terdapat seorang yang mempunyai pendidikan sekolah menengah dan empat lagi mempunyai pendidikan sehingga sekolah rendah sahaja. Terdapat seorang responden yang hanya mempunyai pendidikan peringkat sekolah rendah berusaha menjual hiasan rumah dan hiasan wanita secara tidak formal.

Secara umum boleh dirumuskan bahawa sebab utama ramai responden tidak melibatkan diri dalam pekerjaan formal adalah kerana faktor pendidikan. Menurut responden, tidak mempunyai pendidikan formal atau hanya setakat peringkat sekolah rendah sahaja tidak mencukupi sebagai syarat kelayakan masuk ke dalam pasaran buruh. Majikan memerlukan pekerja yang berpengetahuan dan berkemahiran yang sesuai supaya dapat melakukan tugas dengan baik. Seorang responden generasi pertama mengatakan bahawa pada zaman beliau dahulu,

anak-anak perempuan tidak bersekolah dan mereka mendirikan rumahtangga pada umur yang agak muda. Anak-anak perempuan dewasa diperlukan untuk menjaga adik-adik yang masih kecil dan membantu ibu melakukan tugas-tugas rumah. Responden generasi ketiga menolak peranan stereotaip mengikut gender yang menggambarkan wanita sebagai seorang yang bergantung hidup kepada suami atau bapa. Mereka percaya bahawa walaupun suami atau bapa menjadi ketua keluarga, wanita masih mampu menyertai pasaran buruh jikalau berminat. Peningkatan tahap pendidikan dan latihan dapat membantu wanita menceburi bidang tertentu.

Jumlah responden yang pernah bekerja pula adalah sebanyak tujuh orang, masing-masing seorang daripada generasi pertama dan ketiga dan seramai lima orang daripada generasi kedua. Responden daripada generasi pertama yang hanya memperoleh pendidikan sehingga sekolah rendah pernah bekerja sebagai operator pengeluaran selama dua bulan sahaja kerana mendapat tentangan daripada suami dan ibu mertua. Responden daripada generasi ketiga pula mempunyai pendidikan peringkat universiti dan berhenti bekerja untuk menjaga ibu yang sudah uzur. Lima orang responden daripada generasi kedua yang pernah bekerja terdiri daripada seorang guru tadika yang mempunyai pendidikan sekolah menengah dan selebihnya bekerja sebagai kerani dengan seorang responden hanya mempunyai pendidikan sekolah rendah dan tiga orang lagi di peringkat menengah. Mereka berhenti bekerja untuk memberi tumpuan kepada pengurusan anak-anak yang perlu ke sekolah.

Terdapat sembilan orang responden yang masih bekerja, iaitu dua orang daripada generasi kedua dan tujuh orang daripada generasi ketiga. Jenis pekerjaan yang dilakukan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7. Majoriti mereka yang bekerja adalah masih muda, telah bekerja antara enam bulan hingga lapan tahun dan memegang jawatan tetap. Purata pendapatan bulanan responden adalah berbeza mengikut generasi. Bagi generasi pertama purata pendapatannya adalah sebanyak RM150 sementara generasi kedua dan ketiga adalah masing-masing sebanyak RM894 dan RM1667 sebulan. Antara sebab mereka memilih pekerjaan yang disandang adalah kerana kelayakan akademik yang mereka ada, selain faktor suka dengan pekerjaan tersebut, pekerjaan mudah dilakukan dan pekerjaan berkenaan diterima masyarakat. Kenapa wanita harus bekerja? Responden daripada semua generasi mengatakan bahawa wanita harus bekerja untuk mencapai keperluan asas ekonomi keluarga, menambahkan pendapatan keluarga di samping mereka dapat bergaul dan bertukar fikiran, untuk mendapat pengalaman dan menggunakan kemahiran yang ada.

Responden juga dikemukakan soalan berkaitan kenaikan pangkat. Tujuannya adalah untuk melihat sama ada responden bekerja dalam bidang pekerjaan di mana mereka mempunyai peluang untuk meningkat dalam kerjaya. Responden menyatakan bahawa ada peluang kenaikan pangkat dalam pekerjaan sekarang. Bagaimanapun, mereka boleh dinaikkan pangkat hanya apabila telah lulus peperiksaan yang dianjurkan oleh jabatan atau peperiksaan lain yang

JADUAL 7. Jenis pekerjaan responden

Pekerjaan	Generasi 1	Generasi 2	Generasi 3	Jumlah
a. Pekerja profesional, teknikal & yang berkaitan				
guru besar		1		1
guru tadika		1		1
juruaudit			2	2
b. Pekerja pentadbiran & pengurusan				
pegawai pentadbiran			1	1
pegawai penaksir			1	1
c. Pekerja pekerjaan & yang berkaitan				
setiausaha		1	1	2
pembantu akaun			1	1
kerani		3	-	3
dokumentasi kuantiti			1	1
d. Pekerja pengeluaran & yang berkaitan				
operator pengeluaran	1	-	-	1
tiada maklumat	-	1	-	1
Jumlah	1	7	7	15

Sumber: Kerja lapangan, 1999.

berkaitan. Tiga orang responden pula menyatakan bahawa peluang kenaikan pangkat lebih terbuka kepada pekerja lelaki. Dari segi gaji pula, seramai enam orang responden menyatakan bahawa gaji yang diterima adalah sama seperti yang diterima pekerja lelaki dan tiga orang lagi menyatakan tidak sama bagi jenis kerja yang sama dilakukan. Seramai lima orang merasakan tidak puas hati dengan gaji yang diterima sekarang. Mereka diberikan gaji yang kurang daripada apa yang sepatutnya diterima. Walaupun dibelenggu dengan masalah tidak puas hati, mereka masih terus bekerja.

Latihan adalah penting bagi pekerja dan harus diberikan kepada mereka tidak kira sama ada pekerja itu sudah lama atau pun baru bekerja. Kursus yang diberikan adalah dalam bentuk bengkel, seminar atau kursus jangka pendek. Separuh daripada responden telah diberikan peluang mengikuti latihan ataupun kursus yang berkaitan dengan kerjaya mereka. Bentuk latihan adalah seperti cara berinteraksi dan penampilan, kursus sains rumahtangga, tadika, kewangan, akaun, percukaian, pendidikan awal, pendidikan khas, pengurusan gurubesar dan pengurusan. Seramai lima orang responden mengatakan mereka tidak ada peluang mengikuti latihan atau apa-apa kursus kerana tiada masa terluang dan banyak kerja yang harus dibereskan di pejabat.

## KESESUAIAN PEKERJAAN

Makalah ini juga membincang pendapat responden tentang pekerjaan yang sesuai bagi wanita. Adalah sangat menarik untuk mendapati bahawa majoriti responden daripada ketiga-tiga generasi masih menganggap pekerjaan yang sangat sesuai bagi wanita ialah sebagai pendidik. Ini diikuti dengan pekerjaan sebagai doktor dan kerani. Jenis pekerjaan yang dipilih berkait rapat dengan ideologi masyarakat dan juga praktikaliti pekerjaan tersebut. Pekerjaan sebagai pendidik dianggap sesuai kerana menjadi pendidik adalah satu pekerjaan yang dianggap mulia, selain bekerja hanya separuh hari dan oleh itu, ada banyak masa untuk keluarga, ada cuti panjang, dapat mendidik kanak-kanak dan pelajar, sesuai dengan jiwa wanita yang bersikap penyabar, lemah lembut, teliti dan mempunyai sifat keibuan. Pekerjaan sebagai doktor dipilih kerana pekerjaan tersebut memerlukan sikap sabar, lemah lembut dan ketelitian yang ada pada wanita. Pekerjaan dalam bidang perkeranian pula tidak banyak memerlukan tenaga kasar dan kerja luar pejabat. Kerjanya pula dianggap mudah dan ringan, dengan waktu kerja yang tetap selain boleh menjamin masa depan. Pekerjaan lain yang dianggap sesuai bagi wanita adalah seperti jururawat, tukang jahit, tukang masak, akauntan, setiausaha, pengasuh dan arkitek kerana kemahiran yang diperlukan berkait rapat dengan tugas-tugas yang dilakukan di rumah.

Responden juga diminta memberikan butir-butir mengenai pekerjaan yang tidak sesuai bagi wanita. Pekerjaan yang tidak sesuai mengikut pandangan ketiga-tiga generasi adalah seperti askar, polis, peguam/hakim, pekerja kelab malam dan buruh kasar. Sebab-sebab utama wanita dianggap tidak sesuai melakukan pekerjaan ini adalah kerana wanita mempunyai kurang kekuatan fizikal yang diperlukan, masa kerja, tempat kerja dan tempat kediaman yang tidak tetap, dan wanita tidak mampu membuat keputusan dengan tegas. Seorang responden generasi ketiga menyatakan bahawa pekerjaan pertama beliau adalah sebagai pelatih polis wanita, tetapi beliau telah berhenti disebabkan tidak tahan dengan kelasakan tugas ini.

Kesemua responden yang bekerja secara umumnya mendapat sokongan padu daripada suami dan keluarga. Bagaimanapun, apabila ditemubual secara mendalam terdapat seorang responden daripada generasi ketiga, yang memperolehi pendidikan peringkat tertiary, suaminya pernah menyarankan agar beliau berhenti kerja dan memberikan tumpuan sepenuhnya kepada keluarga. Bagaimanapun, hingga kini beliau masih lagi bekerja. Responden ini telah mengorbankan banyak wang dan masa untuk memperolehi kemahiran dan pengetahuan. Menurut beliau, "... saya merasa sangat rugi jikalau tidak menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi di universiti selama tiga tahun".

Penjelasan yang diberi menunjukkan bahawa terdapat perubahan dari segi bilangan penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan formal mengikut generasi. Bilangan wanita yang bekerja atau pernah bekerja adalah tinggi di kalangan

generasi kedua dan ketiga, iaitu masing-masing seramai tujuh orang berbanding dengan hanya seorang daripada generasi pertama. Keadaan yang berlaku ada kaitannya dengan tahap pendidikan yang rendah yang diperolehi generasi pertama. Mereka sama ada tidak pernah bersekolah dan jikalau diberi peluang bersekolah hanya hingga ke peringkat sekolah rendah sahaja. Sikap ibu bapa ketika itu yang tidak memberi mementingkan pendidikan formal untuk anak-anak perempuan mereka juga mempengaruhi tahap pendidikan yang diperolehi kaum wanita generasi pertama. Pendidikan formal, khususnya di peringkat menengah adalah sangat penting dan menjadi sebagai kelayakan asas untuk memasuki pasaran buruh. Kesedaran ibu bapa tentang mustahaknya pendidikan formal diberikan kepada anak-anak dan peranan kerajaan dari segi menyediakan lebih banyak peluang pendidikan dan latihan kepada semua golongan anggota masyarakat telah memberi peluang kepada wanita generasi kedua dan ketiga untuk menyertai pasaran buruh.

## RUMUSAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pencapaian pendidikan mengikut gender memainkan peranan penting dalam agihan pekerjaan dalam pasaran buruh. Analisis di peringkat makro menunjukkan bahawa walaupun bilangan enrolmen pelajar perempuan hampir sama dengan pelajar lelaki di peringkat tertiar tetapi jenis kursus yang dipilih adalah berbeza. Keadaan ini secara tidak langsung mempengaruhi jenis pekerjaan yang akan dipilih apabila berada dalam pasaran buruh kelak. Bilangan graduan perempuan bagi ijazah pertama adalah lebih tinggi dalam bidang sastera dan kemanusiaan, ekonomi, perniagaan dan pengurusan, sains gunaan, perubatan dan pendidikan. Graduan lelaki pula adalah lebih tinggi dalam bidang undang-undang sivil, pertanian, kejuruteraan, senibina/perancangan bandar dan wilayah, dan bidang ukur/ukur bahan/pengurusan hartabenda.

Jenis aliran pendidikan formal, latihan dan kemahiran yang diperolehi mempengaruhi corak taburan pekerjaan dalam pasaran buruh. Ramai pekerja lelaki didapati melibatkan diri sebagai pekerja profesional, penyelia pengangkutan, pengurus perdagangan borong dan runcit, pekerja khidmat kawal, pengurus dan penyelia ladang dan sebagai pekerja pengeluran berbanding pekerja wanita yang lebih berminat bekerja sebagai jurutrenkas dan jurutaip. Kaum wanita didapati memilih pekerjaan yang mempunyai tuntutan tradisional yang boleh dikelasifikasikan sebagai memerlukan ketangkasan tangan. Selain itu, sikap wanita itu sendiri terhadap pekerjaan mempengaruhi jenis pekerjaan yang dipilih.

Analisis di peringkat mikro menunjukkan bahawa wanita perlu bekerja untuk mencapai keperluan ekonomi keluarga, menggunakan kemahiran yang ada, dapat bergaul dan bertukar fikiran, dan mendapat pengalaman. Pekerjaan yang sesuai dilakukan oleh wanita adalah seperti sebagai pendidik, doktor, kerani, jururawat

dan tukang jahit. Pekerjaan yang dianggap tidak sesuai bagi wanita mengikut responden adalah seperti askar, polis, peguam dan buruh kasar. Pekerjaan yang disenaraikan sebagai sesuai bagi wanita didapati memerlukan pendidikan formal dan juga latihan yang berbentuk khusus. Oleh yang demikian, wanita didapati sudah diperkasakan dalam pekerjaan formal hasil pendidikan yang diperolehi. Bagaimanapun, segregasi pekerjaan mengikut gender masih terus wujud sungguhpun dalam kadar yang berkurangan. Pada pendapat penulis bimbingan vokasional khususnya di peringkat menengah harus dilaksanakan dengan baik untuk mencapai kesamaan dalam pemilihan pekerjaan mengikut gender.

#### RUJUKAN

- Aminah Ahmad 2000. The participation of Malaysian women in education: the post-independence era. Kertas kerja. The 16<sup>th</sup> Conference of the International Association of Historians of Asia. Kota Kinabalu, Sabah. 27-31 Julai.
- Becker, G.S. 1975. *Human Capital: A Theoretical and Empirical Analysis, with Special Reference to Education*. Ed. ke-2. Chicago: University of Chicago Press.
- Blau, F.D. & Jusenius, C.L. 1976. Economists' Approaches to Sex Segregation in the Labor Market: An Appraisal. Dlm. Blaxall, M. & Reagan, B. (ed.). *Women and the Workplace: The Implications of Occupational Segregation*. Chicago: The University of Chicago Press. Hlm. 187-188.
- Boserup, E. 1987. *Women's Role in Economic Development*. London: George Allen & Unwin.
- Hakim, C. 1979. Occupational Segregation: A Comparative Study of the Degree and Pattern of the Differentiation Between Men and Women's Work in Britain, the United States and Other Countries. Research Paper no 9. London: Department of Employment.
- Hattmann, H. 1976. Capitalism, Patriarchy and Job Segregation by Sex. In Beechey, V. *The Changing Experience of Women*. Milton Keynes: Open University Press.
- Hatt, S. 1997. *Gender, Work and Labour Markets*. Hampshire: Macmillan Press Ltd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1972. Perangkaan Pendidikan di Malaysia 1970.
- \_\_\_\_\_. 1993. Perangkaan Pendidikan di Malaysia 1991.
- \_\_\_\_\_. 1997. Perangkaan Pendidikan di Malaysia 1995.
- Malaysia. 1970. *Banci Penduduk: Laporan Am*. Jilid 1.
- \_\_\_\_\_. 1980. *Banci Penduduk dan Perumahan*. Jilid 1 & 2.
- \_\_\_\_\_. 1985. *Buletin Perangkaan Sosial 1985*.
- \_\_\_\_\_. 1990. *Buletin Perangkaan Sosial 1990*.
- \_\_\_\_\_. 1991. *Banci Penduduk dan Perumahan*. Jilid 1 & 2.
- \_\_\_\_\_. 1991 (a). *Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995*
- \_\_\_\_\_. 1995. *Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000*.
- \_\_\_\_\_. 1999. *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000*.
- \_\_\_\_\_. 1999 (b). *Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 1999*.
- \_\_\_\_\_. 2001. *Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001-2010*.
- \_\_\_\_\_. 2001 (a). *Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005*.
- \_\_\_\_\_. 2002. *Buletin Perangkaan Sosial 2001*.

- Mincer, J. 1958. Investment in Human Capital and Personal Income Distribution. *The Journal of Political Economy* **66**(4): 281-302.
- Nermo, M. 1996. Occupational Sex Segregation in Sweden, 1968-1991. *Work and Occupations* **23** (3): 319-332.
- Presser, H.B. & Kishor, S. 1991. Economic Development and Occupational Sex Segregation in Puerto Rico: 1950-80. *Population and Development Review* **17** (1): 53-85.
- Reskin, B.F. & Roos, P.A. 1990. *Job Queues, Gender Queues: Women's Inroads Into Male Occupations*. Philadelphia, Pennsylvania: Temple University Press.
- Shamsulbahriah Ku Ahmad. 1989. Stratification and Occupational Segmentation in the Peninsular Malaysia Labour Force: A Case for Gender-Oriented Development Planning. Kertas kerja Colloquium on Women and Development in Malaysia: Implications for Planning and Populations Dynamics. Population Studies Unit, Universiti Malaya. 10-12 Januari.
- Siti Rohani Yahaya. 1989. The Development Process and Women's Labour Force Participation: A Macro Level Analysis of Patterns and Trends 1957-1987. Kertas kerja Colloquium on Women and Development in Malaysia: Implications for Planning and Populations Dynamics. Population Studies Unit, Universiti Malaya. 7-8 April.
- \_\_\_\_\_. 1998. Analisis Makro Penyertaan Tenaga Kerja Wanita dalam Proses Pembangunan. Dlm. Rokiah Talib & Shanthi Thambiah (pnyt.). *Gender, Budaya dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Hlm. 133-151.
- Sweetland, S.R. 1996. Human Capital Theory: Foundations of a Field of Inquiry. *Review of Educational Research* **66** (3): 341-359.
- Walby, S. 1986. *Patriarchy at Work: Patriarchal and Capitalist Relations in Employment*. Cambridge: Polity Press.
- \_\_\_\_\_. (ed.). 1988. *Gender Segregation at Work*. Milton Keynes: Open University Press.

Noor Rahamah Hj. Abu Bakar, Ph.D.  
 Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran  
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
 43600 UKM Bangi  
 Selangor D.E.  
 e-mail: rahamah@pkrisc.cc.ukm.my